

LOKASI ARKEOLOGI DALAM AL-QURAN: ANALISIS BERDASARKAN AYAT MAKKI DAN MADANI

(Archaeological Locations Cited in the Quran: Analysis Based on Makki and Madani Verses)

Nur Zahidah Che Mohamed*
Mohd Nazri Ahmad
Nor Syamimi Mohd

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,
Malaysia

ABSTRAK

Di dalam al-Quran, terdapat pelbagai cabang ilmu yang boleh didapati. Antaranya adalah berkaitan ilmu *mu'amalat*, *munakahat*, akidah, sirah, sains, matematik, geologi dan fizik. Adapun ilmu-ilmu ini hanya akan boleh didapati setelah pengkajian yang mendalam dilakukan. Dalam pada itu, kajian berkaitan lokasi arkeologi yang disebutkan di dalam al-Quran belum dikaji secara mendalam dan menyeluruh oleh para sarjana. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji lokasi arkeologi yang terdapat di dalam al-Quran berdasarkan surah *makki* dan *madani*. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul secara analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa lokasi arkeologi yang disebutkan di dalam al-Quran ini terbahagi kepada dua iaitu lokasi yang dinyatakan secara jelas kedudukannya dan lokasi yang tidak dinyatakan secara tidak jelas pada zahir makna ayat. Dari sudut pandangan ahli tafsir berkaitan lokasi arkeologi, kajian mendapati tidak terdapat banyak *khilaf* dalam kalangan mereka dan khilaf tersebut dapat diharmonikan antara satu sama lain. Penyusunan lokasi-lokasi arkeologi berdasarkan pembahagian surah makki dan madani adalah salah satu cara untuk memudahkan pembaca al-Quran

dan pengkaji lokasi arkeologi untuk memanfaatkan lokasi yang disebutkan di dalam al-Quran. Kajian ini memberi implikasi kepada para pengkaji dan masyarakat agar dapat mengetahui kepentingan sesebuah lokasi bagi menafikan bahawa al-Quran itu adalah rekaan semata.

Kata kunci: Lokasi arkeologi; geografi; *makki* dan *madani*; tafsir maudhu'i; sirah nabi

ABSTRACT

There are numerous disciplines of knowledge contained in the Quran. Mu'amalat, munakahat, akidah, sirah, science, mathematics, geology and physics are among them. As for these sciences, they will not be accessible until comprehensive research is conducted. In the meantime, archaeologists do not yet conduct in-depth and comprehensive research on the archaeological sites mentioned in the Quran. Therefore, the objective of this study is to examine the historical places mentioned in the Quran based on the verses makki and madani. The method of this study is qualitative and uses a content analysis approach. Data is gathered by looking at documents and analyze them descriptively. The results of the study show that the archaeological locations mentioned in the Quran are divided into two, namely locations whose positions are clearly stated and locations which are not clearly stated on the surface of the verse. From the point of view of interpreters related to archaeological sites, the study found that there were not many discrepancies among them and that this discrepancy could be harmonized with each other. The arrangement of archaeological sites based on the division of surah makki and madani is one of the ways to make it easier for al-Quran readers and researchers of archaeological sites to gain benefit from the locations mentioned in the al-Quran. Researchers and laypeople should be aware of the significance of this study if they want to refute the claim that the Quran is fabricated information.

Keywords: *Archaeological location; geography; makki and madani; thematic exegesis; prophet journey*

PENGENALAN

Menurut James Deetz (1967) dalam bukunya yang bertajuk *Invitation to Archaeology* menyatakan bahawa arkeologi adalah suatu ilmu yang berusaha untuk mempelajari kebudayaan berdasarkan sisa-sisa peninggalan yang merupakan hasil aktiviti manusia. Secara umumnya, peninggalan arkeologi tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama, hasil karya manusia yang dikenali sebagai artifak seperti rumah, kota, patung, jalan raya dan buku. Kedua, bukan artifak misalnya gunung, sungai dan lapisan tanah (Hodder 1995). Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), arkeologi dari sudut bahasa adalah lokasi di mana kata nama yang juga sinonim dengan tempat, letak dan kedudukan. Manakala, dari sudut istilah pula bermaksud kajian saintifik mengenai sesuatu kebudayaan, prasejarah serta cara penggalian dan penjelasan kesan peninggalannya atau lebih dikenali dengan kajian purba. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ali Akbar (2022) yang mengaitkan arkeologi dan kebudayaan. Adapun di dalam bahasa Arab dipanggil dengan *al-makan* di mana pada bahasanya bermaksud kedudukan sesuatu jisim. Ianya merupakan *isim musytaq* daripada kalimah *kana-yakumu* yang mana merujuk kepada tempat (Abu Khalil 2003). Tempat yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah tempat yang terdapatnya himpunan manusia seperti di dalam rumah, bandar, perkampungan, rumah ibadat serta syurga dan neraka (Yusuf Ahmad 2007).

Dari perspektif sirah nabi dan lokasi arkeologi pula, dapat digambarkan melalui sirah Nabi Muhammad SAW yang menjalani kehidupan sebelum diutuskan menjadi rasul di Mekah dan selepasnya di Madinah. Oleh yang demikian, al-Quran telah diturunkan kepada baginda dalam pelbagai bentuk. Antaranya ketika sedang bermusafir, ketika berada di lembah, gaung, cerun, padang rumput dan sebagainya tanpa mengira waktu sama ada pada waktu siang atau malam, pada musim sejuk atau panas, serta ketika sedang berperang mahupun dalam keadaan damai. Selain itu, terdapat juga ketika ketika baginda sedang berjalan, sedang solat, ketika sedang berseorangan mahupun berjemaah (al-Rumi 2005). Justeru, ulama memberi perhatian yang serius dalam perbincangan untuk mengetahui tempat dan masa sesuatu ayat al-Quran itu diturunkan bagi mengetahui nas al-Quran lain yang berkaitan, memahami maknanya supaya sejajar dengan konteks ayat serta mengetahui tujuan ayat tersebut diturunkan (al-Rumi 2005). Contohnya, terdapat ayat yang diturunkan bertujuan untuk mentarbiyyah umat manusia khususnya berkaitan dengan hukum dan taklifan. Lalu, ayat tersebut diturunkan secara berperingkat (Fadl Hasan 2007; Abdul Mukti et al. 2016).

Manakala dari perspektif *makki* dan *madani*, perbincangan yang dilakukan oleh para sarjana hanya memfokuskan kepada aspek definisi, ciri-ciri, hubungan *makki* dan *madani* dengan dakwah dan tarbiyyah sahaja. Contohnya kajian yang dilakukan

oleh ulama klasik dan moden misalnya al-Qattan (2000), al-Suyuti (t.th), al-Rumi (2005), Abd Halik et al. (2022), Nor Syamimi et al. (2022) dan Khoyumatul Kiftiyah et al. (2023). Walau bagaimanapun, belum ada lagi kajian yang menfokuskan secara holistik perbincangan tentang lokasi arkeologi dalam al-Quran dari aspek *makki* dan *madani*. Sehubungan itu, timbul persoalan apakah hubungan antara lokasi arkeologi dengan aspek *makki* dan *madani*? Dan apakah dimensi lokasi arkeologi yang terdapat di dalam al-Quran? Oleh itu, tujuan kajian ini ialah mengkaji lokasi arkeologi yang terdapat di dalam al-Quran berdasarkan ayat *makki* dan *madani*. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul secara analisis dokumen terhadap karya ‘ulum al-Quran, kitab tafsir yang muktabar, jurnal dan ensiklopedia. Antara sumber yang digunakan ialah *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an* oleh al-Qattan (2000), *Atlas al-Qur’an; Amakin-Aqwam-A’lam* oleh Abu Khalil (2003) dan *Jami’ al-Bayan ‘an Takwil Aayi Qur’an* oleh al-Tabari (1994). Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif. Lokasi atau tempat yang dibincangkan dalam kajian ini adalah tempat pertemuan antara manusia seperti rumah, kota atau kampung. Selain itu, tempat ibadah dan lokasi geografi seperti mata air, wadi atau lembah dan *al-Tur* atau bukit. Adapun kesemua lokasi demografi ini mendatangkan interaksi atau hubungan secara langsung dengan manusia sama ada kawasan di dalamnya atau kawasan sekitar sama ada lokasi tersebut adalah tetap mahupun sementara seperti medan perang. Kalimah yang digunakan untuk menggambarkan lokasi merujuk kepada sesebuah kawasan di dunia atau didengari dan disentuh atau dijejaki oleh orang beriman mahupun tempat-tempat seperti *Dar al-Thawab* (tempat ganjaran) dan *Dar al-Iqab* (tempat pembalasan) sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Quran dan hadith (Yusuf Ahmad 2008).

PEMBAHAGIAN LOKASI AKEOLOGI BERDASARKAN SURAH MAKKI DAN MADANI

Di dalam al-Quran, terdapat banyak ayat al-Quran yang menyebutkan tentang lokasi arkeologi sama ada secara langsung dan tidak langsung. Oleh yang demikian, kajian ini menyusun lokasi-lokasi arkeologi ini berdasarkan pembahagian surah *makiyyah* dan *madaniyyah* untuk memudahkan pembaca al-Quran dan pengkaji lokasi arkeologi untuk memanfaatkan lokasi yang disebutkan di dalam al-Quran. Ini bagi memastikan perbincangannya tidak lari daripada sebarang bentuk kekurangan serta penyelewengan mahupun penambahan kepada bukan isi kandungannya (Fadl Hasan 2007).

MAKIYYAH

Terdapat tiga pengertian ayat makiyyah. Pertama, ayat makiyyah adalah ayat yang diturunkan di Mekah. Kedua, ianya adalah ayat yang diturunkan sebelum hijrah. Ketiga, kebiasaannya diturunkan untuk penduduk Mekah. Adapun pendapat kedua

adalah yang paling disepakati (al-Rumi 2005; Fadl Hasan 2007; al-Zarkasyi 2008, al-Suyuti t.th). Dalam pada itu, terdapat beberapa tanda yang boleh diperhatikan dalam menentukan tempat sesuatu ayat itu diturunkan. Menurut al-Rumi (2005), antara bentuk-bentuk khusus bagi surah *makiyyah* adalah; (i) Terdapatnya kalimah “كَلِمَاتٍ” yang mana disebutkan sebanyak 33 kali di dalam al-Quran, (ii) Setiap surah yang terdapat di dalamnya ayat sejadah, (iii) Setiap surah yang dimulakan dengan lafaz sumpah iaitu sebanyak 15 tempat, (iv) Setiap surah yang dimulakan dengan huruf *hija'iyah* seperti “الم” dan “حم” dan sebagainya kecuali surah al-Baqarah dan Ali ‘Imran adalah *madaniyyah*, (v) Setiap surah yang menggunakan lafaz “يَا أَيُّهَا النَّاسُ”, (vi) Setiap surah yang dimulakan dengan *hamdalillah* iaitu “الحمد” yang mana terdapat di lima buah surah, (vii) Setiap surah yang menceritakan tentang kisah para nabi kecuali surah al-Baqarah, (viii) Setiap surah yang menceritakan perihal Nabi Adam a.s dan iblis. Manakala bentuk-bentuk khusus bagi surah *madaniyyah* adalah: (i) Setiap surah yang terdapat di dalamnya lafaz “يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا”, (ii) Setiap surah yang menyebutkan tentang orang munafik, (iii) Setiap surah yang terdapat padanya ketetapan had dan penjelasan sesuatu kefarduan, (iv) Setiap surah yang menceritakan tentang perdebatan ahli kitab.

Menurut al-Qattan (2000), al-Suyuti (t.th) dan al-Rumi (2005), jumlah surah *makiyyah* adalah 82 buah surah. Adapun surah-surah tersebut adalah al-An’am, al-A’raf, Yunus, Hud, Yusuf, Ibrahim, al-Hijr, al-Nahl, al-Isra’, al-Kahf, Maryam, Taha, al-Anbiya’, al-Hajj, al-Furqan, al-Syuara’, al-Naml, al-Qasas, al-‘Ankabut, al-Rum, Luqman, al-Sajdah, Saba’, Fatir, Yasin, al-Saffat, Şad, al-Zumar, Ghafir, Fussilat, al-Syura, al-Zukhruf, al-Dukhan, al-Jathiyah, al-Ahqaf, Qaf, al-Dzariyat, al-Tur, al-Najm, al-Qamar, al-Waqi’ah, al-Mulk, al-Qalam, al-Haqqah, al-Ma’arij, Nuh, al-Jinn, al-Muzzammil, al-Muddaththir, al-Qiyamah, al-Insan, al-Mursalat, al-Naba’, al-Nazi’at, ‘Abasa, al-Takwir, al-Infitar, al-Mutaffifin, al-Insyiqaq, al-Buruj, al-Tariq, al-A’la, al-Ghasiyah, al-Fajr, al-Balad, al-Syams, al-Lail, al-Duha, al-Qadr, al-Syarh, al-Tin, al-‘Alaq, al-‘Adiyat, al-Qari’ah, al-Takathur, al-‘Asr, al-Humazah, al-Fil, Quraisy, al-Ma’un, al-Kauthar, al-Kafirun dan al-Masad. Walaupun begitu, kategori surah *makiyyah* yang terdapat perbincangan dalam kalangan ulama tentang keberadaannya di dalam al-Quran terdiri daripada 44 buah surah. Namun hanya 10 surah yang didatangkan dalam perbincangan ini iaitu:

JADUAL 1 Lokasi Arkeologi dalam Surah Makkiyyah

No.	Nama Surah	Tempat/Lokasi	No. Ayat
1.	al-An'am	<i>Umm al-Qura</i> : Mekah.	6: 92
2.	al-A'raf	<i>al-A'raf</i> : Benteng antara Jannah dan Jahannam.	7: 46, 48
		<i>al-Balad al-Tayyib</i> : Ma'rib atau Sana'a.	7: 58
		<i>al-Ard</i> : Tanah atau penempatan bagi kaum Thamud al-Hijr.	7: 73
		<i>Diyarihim</i> : Tempat kaum Thamud di al-Hijr.	7: 78
		<i>Qaryatikum</i> : Kota Sodom.	7: 82
		<i>Madyan</i> : Semenanjung Arab barat laut di pantai timur Teluk 'Aqabah yang terletak di Laut Merah; atau perkampungan Kafr Mandah yang terletak antara Akka (Acre) dan Danau Tabariyah (Tiberias).	7: 85
		<i>Qaryatina</i> : Madyan atau al-Aykah yang terletak di Tabuk.	7: 88
		<i>al-Qura</i> : Mekah.	7: 97- 98
		<i>Ardikum</i> : Mesir.	7: 110
		<i>al-Madain</i> : Pekan yang terletak di selatan Mesir atau kesemua pekan dan bandar Mesir; atau perkampungan Busir Mesir yang menggabungkan antara penjara Nabi Yusuf a.s dengan masjid Nabi Musa a.s atau perkampungan Dalas di Mesir.	7: 111
		<i>al-Madinah</i> : Bandar Fustat (ibu negara Mesir yang pertama di bawah pemerintahan Muslim) atau bandar Memphis yang terletak di Mesir.	7: 123
		<i>al-Ard</i> : Mesir.	7: 128-129
		<i>al-Yamm</i> : Laut Merah.	7: 136
		(i) <i>al-Ard/ al-Ard Mubarakah</i> : Sebahagian daripada Kota Damsyiq di Syria, Palestin, sebahagian daripada Jordan dan Jurussalem.	7: 137
		(ii) <i>Masyariq al-Ard wa Magharibaha</i> : Mesir; timur atau barat Syria, timur atau barat Palestin; sebuah perkampungan di Syria atau tanah di antara Sungai Euphrates dan Wadi al-'Arish.	
		<i>al-Bahr</i> : Laut Merah.	7: 138

		<i>Dar al-Fasiqin</i> : Syria; Tanah Suci Palestin; Mesir tempat di mana orang yang tidak beriman menetap.	7: 145
		(i) <i>al-Qaryah</i> : Kebanyakannya adalah Jurusalem (Baitul Maqdis); Jericho (Ariha); pintu gerbang Hibrun, Adhruh di Jordan; laluan yang mempamerkan ke arah tanah Kan'an.	7: 161
		(i) <i>al-Qaryah</i> : Sebuah pekan yang dikenali sebagai <i>Khalij al-'Aqabah</i> atau Teluk 'Aqabah yang berhampiran laut 'Aylah yang terletak di dalam Hijaz, Syria dan Mesir.	7: 163
		(ii) <i>al-Bahr</i> : Laut Merah.	
		<i>al-Jabal</i> : al-Tur.	7: 171
3.	Yunus	<i>al-Ard</i> : Mesir	10: 78
		(i) <i>Misra</i> : Mesir.	10: 87
		(ii) <i>Buyutan/buyutakum</i> : Masjid yang menjadi kiblat Bani Israil semasa mereka di Mesir.	
		<i>al-Bahr</i> : Laut Merah	10: 90
		<i>Mubawwa'a Sidq</i> : Mesir dan Syria; atau Syria dan Jurusalem; atau sebuah kawasan yang terletak di Syria berhampiran Jurusalem; atau sebuah tanah suci; atau Mesir dan Palestin; atau sebuah kawasan antara Madinah dan Syria.	10: 93
		<i>Qaryah (Yunus)</i> : Nineveh atau Niniwe yang berfungsi sebagai ibu kota Mosul, Iraq.	10: 98
4.	Hud	<i>Judiyy</i> : Gunung yang terletak di utara tanah Arab berhampiran bukit Aja'; atau gunung yang terletak di <i>Phrygia</i> (Firgia) di bahagian Asia Kecil (<i>Asia Minor</i>); atau gunung yang berada di Timur Sinjar berhampiran <i>Jazirat Ibn 'Umar</i> (kepulauan Ibn Umar); atau gunung al-Tur di Sinai.	11: 44
		<i>Darihim</i> : Tempat kaum Thamud di al-Hijr.	11: 94
5.	Yusuf	<i>al-Ard</i> : Mesir	12: 55-56, 80
		<i>al-Jubb</i> : Bermaksud perigi atau sumur yang dalam dan sudah tidak digunakan lagi. Dikatakan perigi ini terletak di Jurusalem; atau di Jordan; atau antara Hibrun dan <i>Bi'r al-Sab'i</i> . Merupakan tempat saudara Yusuf meninggalkannya.	12: 10

	<i>Misra</i> : Mesir.	12: 21, 99
	<i>al-Bab</i> : Pintu Istana Raja Mesir yang lebih dikenali sebagai <i>Bab Qasr al-‘Aziz</i> .	12: 25
	<i>al-Madinah</i> : Sebuah bandar yang terletak di Fustat atau Memphis, Mesir.	12: 30
	<i>Bab Wahid / Abwab Mutafarriqah</i> : Jalan menuju ke Mesir atau pintu gerbang utama iaitu Memphis.	12: 67
	<i>al-Qaryah</i> : Merujuk kepada Mesir atau sebuah perkampungan di pintu masuk Mesir.	12: 82
	<i>Badwi</i> : Sebuah kawasan perkampungan di padang pasir di mana Nabi Ya’qub dan anak-anaknya menetap.	12: 100
6.	Ibrahim <i>al-Balad amina</i> : Mekah	14: 35
	(i) <i>Wad ghayr dzi zar’in</i> : Sebuah lembah di Mekah.	14: 37
	(ii) <i>al-Bayt</i> : Ka’abah atau Mekah.	
7.	al-Hijr <i>Rawasiya</i> : Merujuk kepada mana-mana puncak gunung yang terdapat di dunia seperti Jabal Qaf, Jabal Abu Qubays di Mekah, al-Judiyy, al-Tur di Sinai dan sebagainya.	15: 19
	<i>al-Madinah</i> : Sebahagian kota Sadum di bahagian selatan Laut Mati; atau tempat yang terletak di antara Madinah dan Syria; atau kawasan antara Kirman dari wilayah Sasania dan Khurasan di Iran.	15: 67
	<i>al-Aykah</i> : Madyan atau Tabuk.	15: 78
	<i>al-Hijr</i> : Dikenali sebagai <i>Madain Salih</i> yang terletak di Barat Laut Arab.	15: 80
	<i>al-Jibal</i> : Bukit yang terletak di Wadi Thamud.	15: 82
8.	al-Nahl <i>Balad</i> : Mekah atau mana-mana tempat seperti Syria dan Yaman; atau Madinah; atau Mesir di mana kebiasaan pedagang hendak melakukan urusan jual beli.	16: 7
	<i>Rawasiya</i> : Merujuk kepada mana-mana puncak gunung yang terdapat di dunia seperti Jabal Qaf, Jabal Abu Qubays di Mekah, al-Judiyy, al-Tur di Sinai dan sebagainya.	16: 15

		<i>Bunyanuhum</i> : Binaan yang dibina oleh Raja Namrud di Babil.	16: 26
		<i>Ḥasanah</i> : Madinah	16: 30, 41
		<i>Qaryah</i> : Mekah	16: 112
9.	al-Isra'	(i) <i>al-Masjid al-Aqsa</i> : Terletak di al-Quds dan berhampiran dengannya adalah Syria.	17: 1
		(i) <i>al-Masjid al-Haram</i> : Ka'abah; atau Mekah; atau sempadan Tanah Haram.	
		<i>al-Ard Muqaddasah</i> : Jurussalem dan kawasan sekitarnya; Damsyiq, Palestin, sebahagian kawasan antara al-Quds dan Jordan; Syria, al-Ghutah, Palestin dan Jordan; al-Tur dan kawasan sekitarnya; bandar al-Quds dan kawasan sekitarnya daripada Sungai Urdun hingga ke Palestin dan daripada Laut Mediterrian hingga ke Madain Lut; Mesir; Ariha.	17: 4
		<i>al-Masjid</i> : Masjid al-Aqsa.	17: 7
		<i>al-Ard</i> : Madinah	17: 76
		(i) <i>Mudkhala Sidq</i> : Madinah	17: 80
		(ii) <i>Mukhrajah Sidq</i> : Mekah	
		<i>al-Ard</i> : Mekah.	17: 90
		<i>al-Ard</i> : Mesir.	17: 103-104
10.	al-Kahf	<i>al-Kahf</i> : Nama sebuah lembah atau kampung yang berhampiran Palestin; atau Granada; atau Petra atau di Efesus.	18: 9-11, 16
		<i>al-Madinah</i> : Bandar Tarsus atau lebih dikenali dengan Efesus.	18: 19
		<i>Jannatayn</i> : Terletak di Taif; atau Palestin; atau Pulau Tanis di Mesir.	18: 32-33
		<i>Majma' al-Bahrain</i> : Tempat petembungan antara laut Parsi dan laut Rom; atau Tanjah yang terletak di Selat Gibraltar; atau tempat antara Laut Jordan dan Laut Kulzum (Caspian) mahupun Laut Biru; atau pertemuan antara laut masin dan tawar.	18: 60
		<i>al-Sakhras</i> : Sebiji batu di Ceuta atau (<i>Sibtah</i>); atau di Armaniyyah; atau di Syria tempat di mana Nabi Musa dan pengikutnya Yusa' ibn Nun tinggal di dalam perjalanan mereka.	18: 63

<i>al-Qaryah</i> : Bandar Bajrawan di Armaniyyah; atau al-'Ubullah di Iraq; atau Qurtubah atau Burq̄h atau Firqah di selatan Sepanyol; atau Aylah atau Intakiyyah di Baṣrah; atau Nasirah di Rom.	18: 77
al-Raqim	18: 9
<i>al-Madinah</i> : Intakiyyah.	18: 19
<i>al-Madinah</i> : Bandar Tarsus atau lebih dikenali dengan Efesus.	18: 82
<i>Maghrib al-Syams</i> : Pantai barat Asia yang berada di Laut Aegean dan Laut Marmara.	18: 86
<i>al-Saddain/ Sadda</i> : Dua gunung di dalam pengembaraan Dhu al-Qarnain. Lokasinya terletak di gurun antara China dan Mogul atau antara Armaniyyah dan Adharbijan atau di Georgia.	18: 93-94
<i>al-Sadafayn</i> : Batu yang terletak di Ceuta (Sabtah) atau Armaniyyah atau Syria di mana Nabi Musa a.s dan pengikutnya Yusa' bin Nun tinggal semasa dalam perjalanan mereka.	18: 96

MADANIYYAH

Terdapat tiga pengertian ayat *madaniyyah*. Pertama, ayat *madaniyyah* adalah ayat yang diturunkan di Madinah. Kedua, ianya adalah ayat yang diturunkan selepas hijrah. Ketiga, kebiasaannya diturunkan untuk penduduk Madinah. Adapun pendapat kedua adalah yang paling disepakati (al-Rumi 2005; Fadl Hasan 2007; al-Zarkasyi 2008, al-Suyuti t.th). Ciri-ciri ayat dalam kategori *makiyyah* ini adalah; (i) Mendirikan asas akidah dalam diri seseorang dengan menyeru kepada mentauhidkan Allah yang satu, beriman dengan risalah yang diutuskan Nabi Muhammad SAW, beriman dengan Hari Akhirat dan sebagainya, (ii) Pensiyyatan usul ibadah seperti kefarduan solat dan pengharaman memakan harta anak yatim, muamalah, adab-adab dan sebagainya; (iii) Perincian mengenai kisah para nabi dan umat terdahulu, (iv) Terdiri daripada ayat-ayat yang pendek tetapi mempunyai makna yang mendalam, perumpamaan serta lafaz *qasam* (sumpah). Seterusnya, ciri-ciri ayat bagi kategori *madaniyyah* pula adalah; (i) Menjelaskan tentang ibadah, *muamalat*, hudud, pewarisan harta, kelebihan jihad dan sebagainya, (ii) Mengandung perdebatan dalam kalangan ahli kitab antara Yahudi dan Nasrani, (iii) Menjelaskan tentang tanda-tanda golongan munafik dan impak golongan ini kepada agama, (iv) Terdiri daripada ayat yang panjang bertujuan untuk menjelaskan sesuatu pensyariat.

al-Qattan (2000), al-Suyuti (t.th) dan al-Rumi (2005) menyebutkan bahwa surah *madaniyyah* terdiri daripada 20 buah surah. Iaitu surah al-Baqarah, Ali ‘Imran, al-Nisa’, al-Ma’idah, al-Anfal, al-Taubah, al-Nur, al-Ahzab, Muhammad, al-Fath, al-Hujurat, al-Hadid, al-Mujadilah, al-Hasyr, al-Mumtahanah, al-Jumu’ah, al-Munafiqun, al-Talaq, al-Tahrim dan al-Nasr. Namun begitu, surah yang terdapat perbincangan dalam kalangan ulama tentang keberadaannya di dalam al-Quran terdiri daripada 14 buah surah. Adapun lokasi yang didatangkan hanya terdiri daripada 10 buah surah iaitu:

JADUAL 2 Lokasi Arkeologi dalam Surah Madaniyya

No.	Nama Surah	Tempat/Lokasi	No. Ayat
1.	al-Baqarah	<i>al-Bahr</i> : Laut Merah	2: 50
		<i>al-Bab</i> : Pintu Ariha; atau pintu al-Qubbah; atau pintu Hittah; atau pintu Taubah di al-Quds; atau pintu Hibrun; atau Adzruh di Jordan atau kawasan yang menuju ke Kan’an.	2: 58
		<i>al-Qaryah</i> : Kebanyakannya adalah Jerusalem atau Jericho (Ariha); atau pintu Hibrun; atau Adhruh di Jordan.	
		<i>Misir</i> : Mesir	2: 61
		<i>Diyarikum/ Diyarihim</i> : Bangsa Yahudi Yathrib atau Bani Israil yang menetap di Palestin selepas Nabi Sulaiman a.s.	2: 84-85
		<i>Babil</i> : Babylon	2: 102
		<i>Masajid Allah</i> : Masjid al-Aqsa atau Ka’bah.	2: 114
		<i>al-Bayt</i> : Ka’bah atau Mekah.	2: 125
		<i>Mathabah</i> : Bait al-Haram yang merujuk kepada Ka’bah.	
		<i>Maqam Ibrahim</i> : Batu yang berada berhampiran dengan Ka’bah; atau keseluruhan sempadan tanah Haram termasuklah padang ‘Arafah, Mudzalifah, Mina dan sebagainya.	
		<i>al-Balad/ Balad/ Baladan amina</i> : Mekah.	2: 126
		<i>al-Bayt</i> : Ka’bah atau Mekah.	2: 127

	<i>al-Qiblah/ qiblatatuhum</i> : Bayt al-Maqdis	2: 142-143, 145
	<i>Qiblah/ qiblatak</i> : al-Ka’bah	2: 144-145
	al-Masjid al-Haram:	2: 144, 149-150,
	Ka’bah	191
	Masjid di sekitar Ka’bah	
	<i>al-Safa</i> : Sebuah bukit kecil yang terletak di Abu Qubays di bahagian selatan Masjid al-Haram.	2: 158
	<i>Mahillah</i> : Mekah/ al-Haram/ Ka’bah; Mina.	2: 196
	<i>Hadiri al-Masjid al-Haram</i> : Merujuk kepada bukan penduduk setempat kota Mekah. Ulama menafsirkannya sebagai kawasan sempadan tanah haram Mekah.	
	<i>‘Arafat</i> : Padang ‘Arafah.	2: 198
	<i>al-Masy’ar al-Haram</i> : Mudzalifah.	
	<i>Haithu afada al-Nas</i> : Mudzalifah	2: 199
	<i>Diyarhim</i> : Perkampungan Dawardan di timur al-Wasit yang terletak di Iraq.	2: 243
	<i>Nahr</i> : Sungai al-‘Urdun antara Palestin dan Jordan	2: 249
	<i>Qaryah</i> : Ariha iaitu Jericho; atau Jerusalem; atau perkampungan yang berhampiran dengan Jerusalem; atau al-Mu’tafikah; atau rumah-rumah yang ditinggalkan oleh beribu-ribu manusia kerana takut mati.	2: 259
	<i>Jabal</i> : Gua Thur, Thaniyyah, Hira’ dan Kuda yang terletak di Mekah.	2: 260
2.	Ali ‘Imran	
	al-Mihrab: Sebuah bilik kecil yang terdapat di Masjid al-Aqsa.	3: 37, 39
	<i>Bayt</i> : Ka’bah atau Mekah.	3: 96
	<i>Bakkah</i> : Nama lain bagi Kota Mekah atau kawasan di al-Bayt, atau masjid atau kawasan melakukan tawaf atau sebuah tempat antara dua bukit.	

		<i>Maqam Ibrahim</i> : Batu yang berada berhampiran dengan Ka'bah; atau keseluruhan sempadan tanah Haram termasuklah padang 'Arafah, Mudzalifah, Mina dan sebagainya.	3: 97
		<i>Maqa'ida li al-qital</i> : Madinah	3: 121
		<i>Badr</i> : Badar iaitu sebuah bandar menghala ke barat daya Madinah.	3: 123
		<i>Diyarihim</i> : Mekah.	3: 195
3.	al-Nisa'	<i>al-Qaryah</i> : Mekah	4: 75
		<i>al-Ard</i> : Mekah atau Madinah	4: 97
		<i>al-Ard</i> : Madinah	4: 100
		<i>al-Bab</i> : Pintu Ariha; atau pintu al-Qubbah; atau pintu Hītah; atau pintu Taubah di al-Quds; atau pintu Hibrun; atau Adzruh di Jordan atau kawasan yang menuju ke Kan'an.	4: 154
4.	al-Ma'idah	<i>al-Bayt</i> : Ka'bah atau Mekah.	5: 2
		<i>al-Ard al-Muqaddasah</i> : Jurussalem dan kawasan sekitarnya; Damsyiq, Palestin, sebahagian kawasan antara al-Quds dan Jordan; Syria, al-Ghutah, Palestin dan Jordan; al-Tur dan kawasan sekitarnya; bandar al-Quds dan kawasan sekitarnya daripada Sungai Urdun hingga ke Palestin dan daripada Laut Mediterian hingga ke Madain Lut; Mesir; Ariha.	5: 21
		<i>Jabbarin</i> : Ariha; atau Damsyiq; atau Syria; atau Jordan atau Palestin atau Mesir atau al-Ramlah.	5: 22
		<i>al-Bab</i> : Pintu Ariha; atau pintu al-Qubbah; atau pintu Hittah; atau pintu Taubah di al-Quds; atau pintu Hibrun; atau Adzruh di Jordan atau kawasan yang menuju ke Kan'an.	5: 23

		<i>al-Ard al-Tih</i> : Sebuah gurun yang terletak di Sinai; atau padang pasir antara Syria dan Mesir atau antara Laut Merah dan ‘Aylah; atau kawasan di antara Bait al-Maqdis dan Qinnasrin.	5: 26
		<i>al-Bab</i>	5: 53
		<i>al-Ka’bah</i> : al-Bayt di Mekah.	5: 95, 97
5.	al-Anfal	<i>Baitik</i> : Rumah Rasulullah di Madinah atau Kota Madinah secara umumnya.	8: 5
		<i>al-Ard</i> : Mekah	8: 26
		<i>al-Bayt</i> : Ka’bah atau Mekah	8: 35
		<i>al-‘Udwah al-Dunya/ al-‘Udwah</i>	8: 42
		<i>al-Quswa</i> : Kawasan tebing lembah al-Badr.	
		<i>Diyarihim</i> : Mekah.	8: 47
6.	al-Taubah	<i>Masjid Allah</i> : Masjid yang berada sekitar Ka’bah yang mana meliputi Safa dan juga Marwah, Padang ‘Arafah, Masy’ar al-Haram, al-Jumrah dan Mina.	9: 17
		<i>Hunain</i> : Lembah yang masyhur di antara Mekah dan Madinah.	9: 25
		<i>al-Ghar</i> : Gua atau gunung Thur yang terletak di selatan Mekah.	9: 40
		<i>al-Mu’tafikah</i> : Lima bandar Nabi Lut a.s.	9: 70
		<i>al-Madinah</i> : Madinah.	9: 101,120
		<i>Masjidan dirara</i> : Masjid yang terletak berhampiran Masjid al-Qubah di Madinah.	9: 107
		<i>al-Masjid ussisa ‘ala al-taqwa</i> : Masjid Quba’, Masjid Nabawi.	9: 108
7.	al-Nur	<i>al-Ard</i> : Mekah.	24: 55
8.	al-Ahzab	<i>Asfala minkum/ fauqikum</i> : Puncak atau bahagian bawah lembah Madinah menuju ke timur.	33: 10
		<i>Yathrib</i> : Madinah	33: 13
		<i>al-A’rab</i> : Gurun	33: 20

		<i>Sayasihim</i> : Kubu pertahanan Bani Quraizah di Madinah.	33: 26
		<i>Ardahum/ ardan</i> : Mekah, Yaman, Syria, Mesir atau Parsi dan Byzantine; atau tanah yang berada di Khaybar atau mana-mana tanah di seluruh dunia.	33: 27
		<i>Diyarahum</i> : Penempatan Bani Quraizah.	
		<i>Buyutikun</i> : Rumah isteri-isteri Nabi SAW	33: 33-34
		<i>Buyut al-Nabi</i> : Rumah Zainab binti al-Jahsyi.	33: 53
		<i>al-Madinah</i> : Madinah.	33: 60
9.	Muhammad	<i>Qaryatik</i> : Mekah.	47: 13
10.	al-Fath	<i>al-Syajarah</i> : Hudaibiyah	48: 18
		<i>Batn Makkah</i> : Hudaibiyah atau tempat sekitar Mekah.	48: 24
		<i>Makkah</i> : Mekah.	
		<i>Mahillah</i> : Mekah atau al-Haram atau Ka'bah; atau Mina.	48: 25
		<i>al-Masjid al-Haram</i> : Ka'bah; atau Mekah; atau sempadan tanah haram.	48: 27

ANALISIS PANDANGAN AHLI TAFSIR BERKAITAN LOKASI ARKEOLOGI

Lokasi arkeologi disusun mengikut tiga pengelasan utama iaitu *makiyyah*, *madaniyyah* dan *khilaf* antara keduanya. Namun, kajian mendapati bahawa tidak semua surah dinyatakan lokasi di dalamnya. Selain itu, terdapat juga beberapa lokasi yang merujuk kepada tempat yang sama tetapi menggunakan lafaz yang lain di dalam al-Quran. Dalam pada itu, terdapat juga lafaz kalimah al-Quran yang tidak menggunakan nama lokasi tersebut secara jelas. Dalam kajian ini, dibincangkan sebanyak 10 buah surah daripada surah Makiyyah dan Madaniyyah menjadikan jumlah surah yang dikaji adalah sebanyak 20 surah. Manakala, jumlah lokasi yang dikenalpasti adalah sebanyak 72 tempat bagi kategori *makiyyah* dan 71 tempat bagi kategori *madaniyyah*. Namun begitu, hanya 11 buah lokasi yang dipilih dan dikupas secara mendalam iaitu:

1. Umm al-Qura

Di dalam al-Quran, lokasi ini disebutkan sebanyak dua kali iaitu di dalam surah al-An'am ayat 92 dan al-Syura ayat 7. al-Tabari (1994), Ibn Kathir (2000) dan al-Jalalayn (2001) sepakat mengatakan *Umm al-Qura* adalah kota suci Mekah. Adapun Ibn 'Asyur menjelaskan, kota Mekah digelar dengan panggilan "ibu" kerana ia merupakan tempat kepada segala kampung atau tempat yang tertua dan terkenal dalam kalangan sekalian penduduk bumi bukan sahaja penduduk tanah Arab. Sebagaimana surah al-Fatihah digelar sebagai *Umm al-Quran* disebabkan menghimpunkan keseluruhan isi kandungannya.

2. al-A'raf

Lokasi ini disebutkan sebanyak dua tempat di dalam al-Quran iaitu di dalam surah al-A'raf menerusi ayat 46 dan 48. Kebanyakan ahli tafsir sepakat mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-A'raf* adalah benteng, dinding mahupun bukit yang berada di tengah-tengah antara syurga dan neraka (Ibn Kathir 2000). Selain itu, kebanyakan bangsa Arab menggunakan lafaz '*urf*' yang merupakan lafaz *mufrad* bagi merujuk kepada sesuatu yang ditinggikan dari bumi seperti jambul ayam jantan (al-Tabari 1994). Adapun hal yang diperselisihkan dalam kalangan ulama adalah yang dimaksudkan dengan *Ashab al-A'raf*.

3. Balad

Kalimah ini secara umumnya bermaksud suatu tempat persekitaran yang terhad disebabkan oleh kepadatan penduduk dan kediaman mereka (al-Aşfahani 2009). Adapun di dalam al-Quran telah disebutkan sebanyak 19 kali. Ianya telah didatangkan dengan 2 wajah iaitu dengan wajah *balad* (بلد) sebanyak 14 kali, manakala dengan wajah *balдах* (بلدة) sebanyak 5 kali. Adapun secara khusus, kalimah ini adalah merujuk kepada kota Mekah.

4. Madyan

Negeri Madyan sangat sinonim dengan Nabi Syu'aib a.s. Baginda ialah seorang rasul yang diutuskan kepada penduduk Madyan. Adapun nama baginda di dalam bahasa Arab adalah Syu'aib manakala di dalam Taurat adalah Yathrun selain Ra'wail. Beliau adalah anak kepada Nuwaili atau Nuwaib bin Ra'wil bin 'Aifa bin Madyan (Ibn 'Asyur t.th). Nama baginda disebutkan sebanyak 11 kali di dalam al-Quran manakala kalimah Madyan disebutkan sebanyak 10 kali (Abu Khalil 2003). Ianya terletak antara Hijaz dan Syam dan berhampiran dengan Ma'an.

5. Qaryatina

Kalimah ini hanya disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu di dalam surah al-A'raf ayat 88. Kebanyakan ulama tidak menyebutkan dengan jelas mengenai lokasi ini. Adapun kajian mendapati lokasi yang dimaksudkan adalah al-Aykah atau Tabuk (Ibn 'Asyur t.th) yang juga terletak di Madyan, Jordan.

6. al-Aykah

Lokasi ini disebutkan sebanyak empat kali di dalam al-Quran. Ia merupakan sebatang pokok besar yang merimbun dan subur yang terletak di Tabuk di mana menjadi tempat sembah kaum Nabi Syu'aib a.s iaitu penduduk Madyan. Abu Ja'afar berpandangan, al-Aykah juga merupakan nama bagi sesebuah negeri (Abu 'Ubaid 2009).

7. Ardikum

Kalimah ini secara umumnya bermaksud tanah kamu. al-Asfahani (2017) menjelaskan fizikalnya adalah tanah atau kawasan yang bertentangan dengan langit. Di dalam al-Quran, ianya disebutkan di tiga tempat iaitu di dalam surah al-A'raf, Taha dan al-Syu'ara'. *Mufasssir* sepakat menyatakan lokasi yang dimaksudkan ini adalah Mesir.

8. al-Madain

Umumnya kalimah ini disebutkan sebanyak tiga kali di dalam al-Quran. Ianya merupakan kalimah *jamak* kepada *madinah* yang bermaksud bandar-bandar (Ibn Manzur 2010). Selain itu, ianya turut merujuk kepada *Madain Salih* (Ibn Junaidil 2003). Menurut Abu 'Ubaid (2009) ianya merujuk kepada sebuah kota di Hijaz. Manakala Ibn Junaidil (2003) pula mengatakan ianya adalah sebuah kota yang terletak di utara Hijaz dan merupakan tempat peninggalan arkeologi. Oleh itu, ia menjadi salah satu daripada lokasi tarikan pelancong. Nama lama bagi kota ini adalah *al-Hijr* namun lebih dikenali dengan *Madain Salih* pada zaman ini.

9. al-Yamm

Kalimah ini dinyatakan sebanyak tujuh kali di dalam al-Quran. Adapun ianya mempunyai sedikit perbezaan pada maksud dan tafsirannya dalam kalangan ulama. Ada yang menyebutnya sebagai sungai dan ada yang mengatakan laut dengan menggunakan perkataan "النهر" dan "البحر". Ibn Junaidil (2003) berpendapat *al-Yamm* pada ayat 39 surah Taha dan ayat 7 surah al-Qasas merujuk kepada Sungai Nil di Mesir sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Tabari

(1994) yang mana menceritakan tentang kisah Nabi Musa a.s di hanyutkan ke dalam sungai oleh ibunya. Manakala dalam ayat 40 surah Taha pula al-Tabari mengatakan ianya adalah sebuah lautan yang terletak seberang daripada Mesir yang menenggelamkan Firaun dan pengikutnya ketika mana cuba membunuh Nabi Musa a.s. Menurut Qatadah dan Ibn Hayyan (1993) pula, laut itu dikenali juga dengan *Asaf*. Selain daripada itu, kalimah ini juga merujuk kepada Laut Merah.

10. al-Ard Muqaddasah

Kalimah ini membawa maksud tanah suci. Ianya juga terkait atau bertepatan dengan beberapa tafsiran ulama terhadap kalimah '*barakna*' yang bermaksud barakah di mana sinonim dengan subur dan bertambah (Tazammoul 2017). Adapun kalimah *al-Ard Muqaddasah* ini disebutkan hanya sekali di dalam al-Quran iaitu di dalam surah al-Ma'idah ayat 21. Manakala kalimah yang berkait dengan tanah yang diberkati atau '*barakna*' ini disebutkan di lima tempat di dalam al-Quran iaitu di dalam surah al-A'raf ayat 137, al-Isra' ayat 1, al-Anbiya' ayat 71 dan 78 serta surah Saba' ayat 18.

11. al-Bahrain/ Maraja al-Bahrain/ Majma' al-Bahrain

Kalimah *al-Bahrain* ini disebutkan sebanyak 4 kali di dalam al-Quran. Ianya bermaksud dua lautan. Adapun *majma' al-Bahrain* terletak di dalam surah al-Kahf. Kalimah *maraja al-Bahrain* di dalam surah al-Furqan dan al-Rahman. Manakala *al-Bahrain* pula di dalam surah al-Naml. Perkara yang menjadi *khilaf* dalam kalangan ulama adalah dalam menentukan tempat yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut. Menurut al-Tabari (1994), Qatadah berpandangan ianya terletak di antara Laut Parsi dan Laut Rom atau Tangier yang terletak di Selat Gibraltar. Manakala Hasan mengatakan, ianya adalah Laut Rom, Parsi dan Yaman. Selain itu terdapat juga pandangan yang mengatakan ianya adalah pertemuan di antara *al-Urdun* (Laut Jordan) dan *al-Qulzum* (Laut Caspian) (al-Qurtubi 1964); dan pertemuan antara Laut Caspian dan Laut Biru atau lebih dikenali dengan pertemuan antara Laut Masin dan Laut Manis (al-Alusi 2008).

Mendatangkan pandangan yang sedikit bercanggahan daripada *jumhur* iaitu daripada al-Qaradawi (2008) mengatakan yang dimaksudkan dengan dua lautan itu adalah hanya perbezaan dari segi kadar garam, kapasiti dan suhunya sahaja tetapi ianya adalah lautan yang sama (tidak dijelaskan). Ibn 'Asyur (t.th) pula mendatangkan dua pandangan beliau. Pertama, sekiranya difahami kedua-dua lautan itu adalah masin seperti mana yang dinyatakan oleh al-Qaradawi, lokasi tersebut terletak di Laut Merah yang berada di sekitar Arab Saudi dan Laut Oman yang terletak di sekitar Hadramawt,

‘Aden serta beberapa kawasan di Yaman. Kedua, sekiranya ayat tersebut difahami kedua lautan itu adalah percampuran antara air tawar dan laut masin, lokasi tersebut terletak di Sungai Euphrates di Iraq dan Teluk Persia di Basrah serta beberapa kawasan di sekitar Bahrain (Ibn ‘Asyur t.th).

Secara rumusan, majoriti ulama tafsir mengatakan kesemua lokasi pertemuan “*al-Bahrain*” atau dua lautan ini adalah berkisar daripada kisah pertemuan Nabi Musa a.s dan Khidir a.s. Adapun pandangan daripada al-Tabari adalah paling hampir dengan majoriti ulama. Menurut Shauqi Abu Khalil (2003), terdapat dua tempat yang menjadi lokasi pertembungan tersebut. Pertama; Laut Jordan (Aylah dan ‘Aqabah) dan Laut Merah (Qulzum). Kedua; sekitar kawasan Tangier (Tanjah), Laut Zuqaq (selat Jabal Tariq).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dimensi lokasi arkeologi yang terdapat di dalam al-Quran dan aspek *makki* dan *madani* mempunyai kaitan antara satu sama lain. Kebiasaannya, kedua-dua aspek perbincangan ini dikaji secara berasingan. Lokasi arkeologi dari sudut tafsir dibincangkan secara tematik. Manakala, aspek *makki* dan *madani* pula dibincangkan berdasarkan aspek-aspek yang sama seperti yang dibincangkan ulama’ terdahulu yang memfokuskan kepada definisi, ciri-ciri dan dakwah sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini menyusun lokasi-lokasi arkeologi ini berdasarkan pembahagian surah *makkiyyah* dan *madaniyyah* untuk memudahkan pembaca al-Quran dan pengkaji lokasi arkeologi untuk mendapatkan pandangan yang *rajih* tentang lokasi yang disebutkan di dalam al-Quran. Ini bagi memastikan perbincangannya tepat dan dapat mengelakkan penyelewengan mahupun penambahan kepada bukan isi kandungannya.

Lokasi arkeologi yang disebutkan di dalam al-Quran ini terbahagi kepada dua lokasi iaitu yang dinyatakan secara jelas kedudukannya seperti Umm al-Qura, Madyan, al-Madinah, Misra, Judiyy, al-Hijr dan banyak lagi. Manakala lokasi yang tidak dinyatakan secara tidak jelas pada zahir makna ayat pula adalah *al-A’raf*, *al-Ard*, *al-Bahr*, *al-Qaryah*, *diyarikum*, *balad* dan banyak lagi. Dari sudut pandangan ahli tafsir berkaitan lokasi arkeologi pula, kajian mendapati tidak terdapat banyak *khilaf* dalam kalangan mereka dan *khilaf* tersebut dapat diharmonikan antara satu sama lain. Kajian berkaitan lokasi arkeologi masih memerlukan kepada kajian yang mendalam oleh gabungan ahli tafsir, sejarawan dan pakar arkeologi supaya lokasi tersebut dapat disinergikan dan pandangan yang tepat dapat dihasilkan. Hal ini secara tidak langsung dapat menangkis dakwaan tentang kewujudan tempat-tempat yang disebutkan di dalam al-Quran adalah rekaan semata-mata. Dalam pada itu, dapat menyelusuri perjalanan sirah Nabi SAW dalam penceritaan ayat al-Quran bermula dari permulaan wahyu pertama diturunkan sehinggalah ayat yang terakhir.

RUJUKAN

al-Quran.

Abdul Mukti Baharudin & Makiah Tussaripah Jamil. 2016. Ilmu makki dan madani dan kepentingannya bagi pendakwah. *Jurnal al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 1(1): 43-53.

Abu ‘Ubaid, Abd Allah bin Abd al-‘Aziz al-Bakri al-Andalusi. 2009. *Mu’jam ma Ista’jam min Asma al-Bilād wa al-Mawadi’*. Beirut: Alim al-Kutub.

Abu Khalil, Shawqi. 2003. *Atlas al-Qur’an; Amakin-Aqwam-A’lam*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

al-Alusi, Syihab al-Din Mahmud Syukri al-Baghdadi. 2008. *Ruh al-Ma’ani fi Tafsir al-Qur’an al-‘Azim wa al-Sab’i al-Mathani*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

al-Asfahani, Abu al-Hussain bin Muhammad al-Raghib. 2017. *al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an*. Kaherah: Dar Ibn Jawzi.

Ali Akbar. 2022 Arkeologi Islam Nusantara: Kebudayaan materi untuk kehidupan masa kini dan masa nanti. *Islam Nusantara: Journal for the Study of Islamic history and Culture* 3 (1): 37-55.

Fadl Hasan Abbas. 2007. *Muhadarat fi Usul al-Qur’an*. Jordan: Dar al-Nafa’is.

Ian Hodder. 1995. *Theory and Practice in Archeology*. Routledge: London and New York.

Ibn ‘Asyur, Muhammad bin Ibrahim al-Hamd. t.th. *al-Taqrib li al-Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Riyadh: Dar ibn Khuzaimah.

Ibn Hayyan, Muhammad bin Yusuf. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar Kutub al-‘Alamiyyah.

Ibn Junaidil, Sa’ad bin Abdullah. 2003. *Mu’jam al-Amkinah al-Warid Zakiriha fi al-Qur’an al-Karim*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.

Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Ismail bin ‘Umar. 2000. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut: Dar ibn Hazim.

Jalal al-Din al-Mahalli, Jalal al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abi Bakar. 2001. *Tafsir al-Jalalain bihamisy al-Mushaf al-Syarif bi Rasm al-‘Uthmani Mushaf al-Masahah wa al-Amiriyah Madhilan bikitab Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*. Saudi

Arabia: Dar al-Hadith.

James Deetz. 1967. *Invitation to Archeology*. New York: The Natural History Press.

Khoyumatul Kiftiyah, Wahidah & Muslimah. 2023. The theories of Makki and Madani according to classical and contemporary scholars. *Buletin of Pedagogi Research* 3(1): 1-9.

Nor Syamimi, Ammar Fadzil & Nadzrah Ahmad. 2022. Elemen ‘Ulum al-Quran dalam manuskrip Quran bergantung makna melayu oleh Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi. *Tinta Atrikulasi Membangun Ummah* 8 (2): 161-167.

al-Qaradawi, Yusuf. 2008. *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Quran*. Terj. Kathur Suhardi. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

al-Qattan, Manna’ Khalil. 2000. *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.

al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1964. *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Kaheerah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

al-Rumi, Fahd bin Abdul Rahman. 2005. *Dirasat fi ‘Ulum al-Qur’an al-Karim*. Cetak. 14. Riyadh: Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.

al-Tabari, Basyar ‘Awwad al-Khurastani. *Jami’ al-Bayan ‘an Takwil Aayi Qur’an*. 1994. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Tazammol, Muhammad Hoque. 2017. The historical locations cited in the Quran and hadith: An overview. Tesis Dr. Fal, Dhaka University, Bangladesh.

Yusuf Ahmad, ‘Ali Abu Ridah. 2008. *A’lam al-Makan fi al-Quran al-Karim*. Tesis Master, kuliah al-Lughah al-‘Arabiyyah, Jami’ah al-Khalil, Palestin.

al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abd Allah. 2008. *al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Kaheerah: Maktabah Dar al-Turath.

al-Zuhri, Muhammad bin Muslim. 1998. *al-Nasikh wa al-Mansukh wa Tanzil al-Qur’an*. Edisi ke-3. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.